

GST

Kesannya Kepada Pengguna



Siri Pemikiran FOMCA - 14



Kesannya Kepada Pengguna



**Gabungan Persatuan-Persatuan
Pengguna Malaysia (FOMCA)**

ISBN

**Gabungan Persatuan-Persatuan
Pengguna Malaysia (FOMCA)**

No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

© FOMCA 2015

Cetakan Pertama – Februari 2015

Dicetak oleh:

Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No.5B Tingkat 2
Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

GST

Kesannya Kepada Pengguna

~~~~~


**GST - bukan penentu utama harga.**

*Pengguna perlu manfaat panduan beli-belah disedia kerajaan*

Keputusan kerajaan untuk melaksanakan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bermula 1 April 2015 menimbulkan pelbagai reaksi. Perkara yang membimbangkan orang ramai adalah kenaikan harga barang yang melampau. Bagaimana orang ramai patut menggunakan hak mereka apabila berdepan dengan peniaga yang mengambil kesempatan untuk menaikkan harga daripada paras sepatutnya? Ikuti temu bual wartawan BH, Mahanum Abdul Aziz dan Luqman Arif Abdul Karim bersama Setiausaha Agung Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Datuk Paul Selva Raj bagi mengupas persoalan ini.

*Apakah perkara yang menjadi kebimbangan pengguna berikutan pelaksanaan GST?*

Perkara pertama adalah kenaikan harga terutama di tengah-tengah suasana peningkatan kos sara hidup ketika ini. Ada dua jenis kenaikan harga berikutan pelaksanaan GST. Pertama, disebabkan GST dan kedua berikutan aktiviti pengambilan untung berlebihan. Kebimbangan kami adalah peniaga akan mengambil kesempatan menaikkan harga melebihi paras sepatutnya.



Kerajaan mempunyai mekanisme untuk membendungnya menerusi Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Saya difahamkan, kerajaan juga memantapkan penguatkuasaan dengan meningkatkan jumlah penguat kuasa. Usaha itu perlu diterjemahkan di lapangan bagi memastikan pengambilan untung berlebihan tidak berlaku. Perkara kedua berkenaan kenaikan harga sebenar berikutan pelaksanaan GST. Banyak spekulasi timbul seperti harga rumah akan naik dan harga rumah tidak akan meningkat, harga kereta meningkat dan harga kereta tidak meningkat. Kerajaan perlu memastikan perkara yang sepatutnya berlaku. Contohnya, jika harga kereta akan turun, pastikan harga kereta patut turun.

**Bagaimana pula dengan senarai barang yang dikenakan GST pada kadar sifar?**

Kerajaan sangat mengambil berat mengenai rakyat, terutama golongan miskin dan sederhana, dengan sesetengah barang dikenakan GST berkadar sifar bagi melindungi mereka daripada kesan GST. Isunya, bagaimana perkara ini diterjemahkan kepada rakyat memandangkan rakyat tidak mampu menghafal jenis barang yang dikategorikan dalam kumpulan barang yang dikenakan GST pada kadar sifar. FOMCA mencadangkan barang yang dikenakan kadar sifar perlu ada penanda khusus, iaitu dengan ditandai warna berbeza bagi memudahkan rakyat mengenali barang yang dikenakan GST kadar sifar.



Contohnya, mi kuning dikategori dalam kumpulan barang GST kadar sifar. Pengguna tidak akan tahu jenis mi kuning yang macam mana. Jika ada mi yang berwarna hijau, adakah ia akan dikenakan GST. Pengguna mesti dapat mengenal pasti barang yang dikenakan GST atau sebaliknya dengan tepat dan mudah kerana kemungkinan keputusan membeli barang adalah

dengan memilih barang yang tidak dikenakan cukai. Jadi manfaat kerajaan melaksanakan GST kadar sifar perlu dimanfaatkan oleh pengguna. Kalau tidak, ia tidak bermakna meskipun kerajaan melaksanakan GST pada kadar sifar.

***Apakah saranan FOMCA bagi membendung kegiatan menaikkan harga berlebihan?***

FOMCA bimbang dengan kemungkinan harga meningkat lebih tinggi daripada sepatutnya. Orang ramai perlu mempunyai kaedah untuk membuat aduan. Kami cadangkan pusat panggilan hotline ditubuhkan bagi membolehkan pengguna membuat aduan bukan saja mengenai kenaikan harga tetapi juga terhadap peniaga yang mengambil kesempatan menaikkan harga yang melampau.

Paling penting kerajaan perlu telus dalam menjalankan penyiasatan terhadap aduan. Siasatan perlu dilakukan, dan jika betul, ia perlu dimaklumkan kepada pengguna mengenai tindakan yang diambil. Jika peniaga secara berterusan melakukan penipuan harga, denda perlu dikenakan. Bagi rakyat, sebarang aktiviti pengambilan untung yang melampau perlu ditangani sepenuhnya yang mana keadaan itu akan memberi keyakinan kepada orang ramai bahawa kerajaan amat serius untuk menangani keuntungan berlebihan oleh peniaga.



**“  
Paling penting kerajaan  
perlu telus dalam  
menjalankan penyiasatan  
terhadap aduan.  
Siasatan perlu  
dilakukan dan jika  
betul, ia perlu  
dimaklum kepada  
pengguna mengenai  
tindakan yang diambil”**

**Paul Selvaraj,  
Setiausaha Agung FOMCA**

FOMCA menyokong usaha kerajaan untuk mengeluarkan panduan beli-belah mengenai harga barang apabila GST dikenakan. Dengan panduan beli-belah itu, pengguna boleh tahu jangkaan harga barang selepas pelaksanaan GST. Pengguna juga boleh tahu kadar kenaikan harga sesuatu barang berikutan pelaksanaan GST dan membantu mengenal pasti jika ada barang yang dijual melebihi harga sepatutnya.

***Macam mana kenaikan harga boleh berlaku?***

Ada kekeliruan mengenai pengiraan GST. Sebenarnya, ada pengiraan khusus untuk GST di setiap peringkat rantaian bekalan. Kadar enam peratus itu tidak dikenakan di semua peringkat, sebaliknya ada pengiraan khusus di setiap peringkat. Jadi, caj bersih yang akan dikenakan bergantung kepada berapa banyak rantaian bekalan dilalui. Jika ia membabitkan satu rantaian bekalan, harga mungkin rendah. Kesan pelaksanaan GST ialah barang yang sebelum ini tidak dikenakan cukai akan dikenakan cukai. Perkhidmatan yang sebelum ini tidak dicaj, kini akan dicaj. Oleh sebab itu, sudah tentu akan ada kesan.

Apa yang kerajaan lakukan untuk mengurangkan kesan itu adalah dengan memperkenalkan GST kadar sifar ke atas barang asas utama. Secara umumnya,





akan berlaku peningkatan harga dan kenaikan itu bersifat sekali saja dan kemudian keadaan kembali stabil. Saya rasa yang paling bahaya adalah memberitahu pengguna harga akan turun kerana GST adalah untuk semua barang dan ada yang dikecualikan GST. Sudah pasti akan ada kesan daripada pelaksanaan GST, cuma kita tidak tahu kadar kesannya.

***Apakah nasihat FOMCA kepada pengguna?***

Pengguna perlu mengguna mekanisme yang disediakan, seperti melihat senarai barang yang dikenakan GST kadar sifar serta menggunakan panduan beli-belah. Jika pengguna tidak puas hati dengan harga barang, segera membuat aduan supaya kerajaan boleh mengambil tindakan. Perkara penting yang perlu pengguna tahu ialah kenaikan harga barang didorong oleh dua faktor, iaitu kesan daripada pasaran dan GST. Pengguna tidak boleh mengenal pasti dengan tepat sama ada kenaikan harga barang adalah benar-benar disebabkan pasaran atau GST. Persepsi kini harga barang akan meningkat dengan pelaksanaan GST. Justeru, FOMCA berpendapat komunikasi dengan orang ramai mengenai persepsi kenaikan harga adalah penting. Kerajaan perlu memantau perkara ini kerana ada dua kesan GST iaitu kesan sebenar dan kesan persepsi. Kesan persepsi sangat sukar dan boleh membuat keadaan bertambah buruk. Kerajaan perlu menangani kesan persepsi dengan bijak.

***Adakah FOMCA berpendapat pengguna tidak boleh beranggapan bahawa kenaikan harga barang disebabkan GST semata-mata?***

Itulah persepsi yang bakal wujud dalam kalangan orang ramai apabila GST dilaksanakan. Sebenarnya, ketika ini kenaikan harga barang didorong oleh pelbagai faktor. Justeru, komunikasi penting untuk mengatasi masalah persepsi ini. Pengguna juga akan terus yakin dengan persepsi itu memandangkan ada jualan pra GST yang mana mengukuhkan persepsi harga barang akan naik. Adakah benar harga barang akan naik atau sebaliknya? Keadaan sedemikian sebenarnya mewujudkan persekitaran tidak sihat yang

mana memberi tanggapan salah kepada pengguna. Saya lihat perkara ini perlu diberi perhatian oleh kerajaan sebelum GST dilaksanakan.

***Adakah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan sudah cukup untuk melindungi hak pengguna?***

Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan mampu melindungi hak pengguna apabila GST dilaksanakan sekiranya ia dikuatkuasakan dengan tegas. Apabila GST dilaksanakan pada 1 April 2015, kerajaan akan menggunakan mekanisme margin keuntungan bersih. Bagi memastikan perubahan harga berdasarkan GST, maka perniagaan tidak dibenarkan menaikkan kadar margin keuntungan bersih dalam tempoh 18 bulan, iaitu tiga bulan sebelum GST dan 15 bulan selepas GST dilaksanakan.

Bagi pengguna, apa yang penting mereka perlu membuat aduan jika berlaku kenaikan harga yang melampau. Untuk memudahkan mereka membuat perbandingan tentang harga sesuatu barang sebelum dan selepas GST dilaksanakan, maka mereka boleh menggunakan buku Panduan Harga Pengguna. Pengguna boleh membuat aduan sekiranya ada peniaga yang mengenakan harga tidak seperti mana yang disyorkan dalam Panduan Harga Pengguna tersebut.

***Macam mana pendapatan daripada GST disalurkan balik kepada rakyat?***

Dua isu berhubung perkara ini. Pertama, kenapa kita bayar cukai. Sebenarnya, GST mempunyai perspektif berbeza dari segi perbelanjaan. Kita bayar cukai bagi menikmati kualiti hidup lebih baik. Setiap kali kerajaan bercakap mengenai rasionalisasi, jangkauan ialah wang yang dijimatkan itu akan dikembalikan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat. Saya rasa ini perkara penting, ia bukan sebab GST. Ia adalah macam mana pendapatan kerajaan dikumpul dan memberi kesan kepada kehidupan rakyat. Rakyat

mendapat manfaat daripada membayar cukai dengan kemudahan asas lebih baik. Jika kerajaan mengumpul duit tetapi tidak menjaga kebajikan golongan miskin, apa tujuan mengutip duit.

Isu kedua ialah laporan Ketua Audit Negara mengenai banyak ketirisan dan rasuah. Kerajaan kenakan cukai tetapi rasuah dan ketirisan berlaku. Ini satu lagi perkara membabitkan persepsi. Memang benar akan berlaku kenaikan harga tetapi kerajaan perlu pastikan tidak berlaku kebocoran atau 'ketirisan'. Orang ramai perlu melihat kepada kemajuan dalam kualiti hidup. Keyakinan rakyat amat penting.



***Kerajaan mengumumkan harga beberapa barang akan jatuh berikutan pelaksanaan GST. Adakah benar harga barang berkenaan akan turun? Apa pendapat FOMCA mengenai perkara ini?***

Harga barang yang dijangka turun adalah beberapa barang yang terkandung dalam kumpulan indeks harga pengguna (IHP). Secara teori, beberapa barang dalam kumpulan IHP akan mencatatkan penurunan harga. Berdasarkan pengiraan, memang akan ada barang yang mengalami penurunan harga, namun yang membimbangkan adalah tingkah laku peniaga di pasaran. Contohnya, harga petrol naik 20 sen, kalau mengikut pengiraan, kesan kepada syarikat adalah minima sekali, tetapi peniaga menaikkan sehingga 20 sen segelas Nescafe. Jadi, harga akhir sudah tidak mengikut pengiraan yang dibuat, sekali gus menunjukkan hasil daripada pengiraan tidak sama dengan tingkah laku peniaga di pasaran. Keadaan ini yang menjadi kebimbangan apabila GST dilaksanakan. Tambahan pula, dengan persepsi bahawa harga barang akan meningkat, padahal ada pelbagai faktor yang menyumbang kepada kenaikan harga. Justeru, Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan memainkan peranan penting bagi mengatasi masalah ini. Apa yang penting penguatkuasaan di peringkat awal penting bagi mengukuhkan keyakinan rakyat bahawa kerajaan mengambil berat bagi menangani masalah itu.

***Bagaimana pula dengan tingkah laku pengguna yang tidak melihat semula resit selepas membeli barang? .***

Jika anda pergi ke restoran makanan segera, dalam resit dinyatakan cukai dikenakan. Pada peringkat awal pelaksanaan GST, pengguna perlu membiasakan diri melihat resit. Bagi barang berkadar sifar, pengguna perlu pastikan mereka tidak dicaj GST.

Pengguna perlu meneliti resit bagi memastikan pengiraan yang dibuat secara keseluruhan tidak termasuk barang berkadar sifar. GST adalah sistem cukai yang sangat telus kerana caj yang dikenakan tercatat dalam resit. Jika

dibuat secara menyeluruh, pengguna akan tahu kerana ia tertera di dalam resit. Bagi barang GST berkadar standard, ia tidak menjadi masalah untuk dikira secara menyeluruh. Bagaimanapun, bagi barang GST berkadar sifar, pengguna perlu peka kerana mereka tidak perlu membayar GST.

### ***Apakah persediaan pengguna bagi menghadapi GST?***

Pengguna perlu menguruskan kewangan dengan baik, tidak kira sama ada GST dilaksanakan atau tidak. Kalau pengurusan kewangan sudah teruk, ia akan lebih teruk lagi apabila GST dilaksanakan. Pengguna sepatutnya sensitif kepada iklan atau taktik-taktik pemasaran yang mendorong kepada peningkatan perbelanjaan. Dalam persekitaran yang mencabar, pengguna perlu berbelanja secara berhemat. Kita tidak boleh mengelak daripada GST. Gunalah panduan beli-belah. Jika tidak berpuas hati, sila buat aduan. Peranan kerajaan ialah memberi keyakinan kepada rakyat bahawa kerajaan terbuka dan bersedia menerima aduan serta proaktif dalam bertindak balas terhadap aduan.

### ***Sejauh mana pelaksanaan GST mampu mengubah persepsi pengguna dari segi mempertahankan hak mereka?***

Jika GST tidak diuruskan dengan baik ia akan menimbulkan banyak masalah. Suka atau tidak, maklumat yang disebar di laman siber banyak yang tidak betul mengenai GST. Ini menggambarkan sudah ada pemikiran negatif - terhadap GST. Kerajaan perlu serius mengenai perkara ini dan menguruskannya dengan baik. Penguatkuasaan perlu dilaksanakan dengan baik dan paling penting reaksi pengguna perlu diuruskan dengan baik. Jika harga ikan tenggiri meningkat, orang ramai akan marah kepada GST dan kerajaan perlu menjelaskan perkara ini. Jika harga barang meningkat, pengguna akan menyalahkan GST. Jika harga turun, orang ramai tidak akan kata ia disebabkan GST. Kerajaan perlu menguruskan perkara ini dengan baik.

Berdasarkan pemantauan FOMCA, turun naik harga tidak menentu. Ada barang yang harganya boleh meningkat sehingga RM3, tetapi boleh jatuh semula tahun berikutnya. Faktor luaran mempengaruhi pergerakan harga. Orang biasa tidak akan tahu faktor yang mendorong kenaikan dan kejatuhan harga. Kerajaan belum menyediakan pendidikan sepenuhnya kepada rakyat bagi menyediakan mereka untuk berdepan dengan pasaran. Kalau tahap pemahaman orang ramai tinggi mengenai pasaran, mereka akan tahu faktor yang mendorong kepada pergerakan harga. Jadi tidak akan timbul perasaan untuk marah kepada kerajaan jika harga barang meningkat. GST hanya salah satu komponen yang menjadi penentu kepada pergerakan harga, tetapi ia bukan penyumbang utama kepada turun naik harga barang.

*Berita Harian, 4 Disember 2014*

## 8 Hak Asas Kita

- Hak Untuk Mendapat Keselamatan
- Hak Untuk Mendapat Maklumat
- Hak Untuk Mendapat Kemudahan Asas
- Hak Untuk Menyuarakan Pendapat
- Hak Untuk Mendapat Gantirugi
- Hak Untuk Membuat Pilihan
- Hak Untuk Mendapatkan Pendidikan Pengguna
- Hak Untuk Mendapat Alam Sekitar Yang Sihat

## Profil FOMCA

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna-Pengguna Malaysia atau nama akronimnya, FOMCA merupakan sebuah organisasi bukan kerajaan yang bergerak secara sukarela dan tidak mencari keuntungan, bebas daripada isu-isu perkauman, keagamaan dan sebarang parti politik. FOMCA telah ditubuhkan pada 10hb Jun 1973 sebagai persatuan gabungan bagi beberapa persatuan-persatuan negeri pada masa itu. Kini FOMCA mempunyai 15 ahli gabungan di seluruh negara.

Objektif FOMCA adalah untuk menguatkan dan mengukuhkan pertubuhan pergerakan pengguna di Malaysia; meneliti isu-isu serta berjuang untuk hak-hak pengguna; berjuang melalui kuasa beli pengguna yang mengikut keperluan untuk pembangunan yang menjamin sosio ekonomi yang adil dan kualiti alam sekitar yang lebih baik; dan mengkoordinasi dan menjadi badan perunding bagi organisasi pengguna di Malaysia.

Untuk mencapai objektif tersebut, FOMCA menjalankan pelbagai program pendidikan kepenggunaan dan menerbitkan risalah untuk kesedaran pengguna; bertindak memberi perlindungan kepada pengguna di semua peringkat; menyebarkan maklumat kepada pengguna; dan mengkoordinasikan tindakan pengguna melalui kempen dan sebagainya.

Falsafah FOMCA adalah untuk mewujudkan suasana dan sifat berdikari di kalangan pengguna, dengan merealisasikan moto "Perlindungan Paling Berkesan Adalah Perlindungan Kendiri."



### **Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA)**

No. 4, Jalan SS1/22A, 47300 Petaling Jaya

Selangor Darul Ehsan

Tel: 03-7876 2009 / 7875 6370/62 Faks: 03-7877 1076

E-mel: [fomca@fomca.org.my](mailto:fomca@fomca.org.my)

Laman sesawang: [www.fomca.org.my](http://www.fomca.org.my)